

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 25/01/2019  
**Edisi / Muka surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
**Tajuk** : Perolehan koperasi disasar RM55 bilion pada 2020

## Perolehan koperasi disasar RM55 bilion pada 2020

Tarikh kemaskini: 25/01/2019

PETALING JAYA, 25 Jan (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Usahawan menyasarkan perolehan koperasi di seluruh negara yang berdaftar di bawah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan mencecah RM55 bilion menjelang 2020.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof berkata angka itu merupakan peningkatan sebanyak RM5 bilion daripada sasaran awal RM50 bilion dan diunjur menyumbang sebanyak lima peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menurutnya sasaran itu mampu dicapai menerusi peningkatan dalam aktiviti seperti pertanian serta melaksanakan pendigitalan dalam perniagaan masing-masing.

“Sehubungan itu, ahli koperasi hendaklah menggunakan peluang dan segala bentuk bantuan yang diberikan oleh kerajaan untuk mencapai sasaran ditetapkan.

“Teknologi yang semakin berkembang tidak hanya digunakan dalam urusan kewangan tetapi (boleh dimanfaatkan) juga dalam bidang pertanian yang dapat menghasilkan sumber makanan untuk tujuan eksport,” katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Menteri Pembangunan Usahawan bersama Koperasi dan pelancaran Portal MyAzZahra di sini, hari ini.

Portal MyAzZahra merupakan sistem permohonan pinjaman secara dalam talian elektronik yang dibangunkan oleh Orion IXL Bhd untuk kalangan anggota koperasi dan anggota Angkasa. Sebanyak 14,000 koperasi di bawah Angkasa didaftarkan di seluruh negara setakat akhir 2017.

Angkasa juga mempunyai 6.5 juta ahli sehingga Jun 2018 dengan perolehan tahunan sebanyak RM40.24 bilion.

Sementara itu, Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah yakin sasaran yang ditetapkan oleh kementerian mampu dicapai sekiranya semua koperasi mengambil inisiatif untuk meningkatkan ekonomi negara.

“Pada masa ini, tumpuan sasaran perolehan itu adalah bersumberkan sektor perniagaan tradisional dan yang terbaharu menerusi usaha pendigitalan dalam urusan perniagaan.

“Selain itu ahli koperasi juga disaran mengamalkan budaya korporat dalam setiap urusan koperasi iaitu cepat, cekap dan kreatif.

“Mana-mana peraturan yang menyukarkan koperasi membuat keputusan juga perlu diperbetulkan. Atas alasan ini, kita menyokong cadangan kerajaan untuk meminda beberapa perkara dalam Akta Koperasi 1993,” katanya.

Abdul Fattah berkata antara perkara yang dipersetujui dalam pindaan tersebut adalah mengurangkan keanggotaan keahlian kepada 25 orang berbanding 50 orang bagi penubuhan satu-satu koperasi. -- BERNAMA